

19/11/1998

Perwakilan sependapat Malaysia

KUALA LUMPUR, Rabu - Soal khusus mengenai kawal selia perdagangan mata wang tidak dimasukkan ke dalam Perisytiharan Kuala Lumpur kerana badan lebih besar seperti Kumpulan G22 adalah forum lebih sesuai bagi menangani masalah itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun pemimpin negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) sependapat dengan Malaysia mengenai keperluan untuk mengawal selia kegiatan perdagangan mata wang, pelaksanaannya mengambil masa.

Malah, kata Perdana Menteri, Malaysia dari awal lagi sudah menyuarakan mengenai keperluan untuk berbuat demikian.

"Semua orang mengakui ia amat perlu disegerakan. Perbincangan mengenai krisis mata wang mengambil banyak masa sewaktu sesi pagi tadi (sidang kemuncak Apec) dan setiap orang menyatakan ia perlu disegerakan.

"Tetapi sebaliknya, untuk disegerakan adalah satu perkara lain dan bagi menggerakkannya di dalam masyarakat antarabangsa, ia perlu dibincang panjang lebar dan tidak bergerak begitu pantas.

"Saya berpendapat cara kita bergerak dianggap begitu cepat, sepantas badan pembuat dasar antarabangsa," katanya menjawab soalan wartawan asing pada sidang akhbar selepas sidang kemuncak Apec petang ini.

Beliau diminta mengulas mengapa Perisytiharan Kuala Lumpur tidak menyatakan pendirian khusus mengenai usaha mengawal selia perdagangan mata wang seperti yang kerap dilaungkan oleh Malaysia selama ini.

G22 ialah gabungan tujuh negara maju - Amerika Syarikat, Britain, Jerman, Itali, Perancis, Jepun dan Kanada - serta kumpulan 15 negara membangun yang mewakili benua Asia, Afrika dan Amerika Latin.

Dr Mahathir menegaskan, G22 adalah forum yang lebih sesuai bagi membincang krisis kewangan dengan lebih mendalam kerana ia diwakili secara menyeluruh.

"Itulah sebabnya kita berpendapat G22 boleh memenuhi tujuan ini. Oleh itu, mulai sekarang kita akan terpaksa bercakap kepada G22 bagi mencapai kemajuan ini," katanya.

Ditanya apakah ia bermakna Apec tidak mengutamakan tindakan, Perdana Menteri berkata forum itu adalah badan yang hanya boleh digerak untuk bertindak dalam lingkarannya sendiri.

Apec, katanya, tidak boleh hanya membuat sesuatu keputusan dan mendapatkan negara lain di dunia untuk menerimanya kerana ia hanya dianggotai 21 negara.

"Berdasarkan hakikat ini, G22 adalah forum yang wajar membincangkan mengenai krisis kewangan dan Apec ada mencadangkan kemungkinan mengadakan sidang kemuncak (G22).

"Namun kita tidak memasukkannya...tetapi yang ketara menteri kewangan dan gabenor bank pusat G22 akan membincang mekanisme ini. Dari situ, ia harus diambil oleh pihak berkuasa yang lebih tinggi," katanya.

Dr Mahathir turut ditanya mengapa nama Malaysia tidak disebut dalam Deklarasi Kuala Lumpur sebagai negara yang menampakkan kemajuan pemulihan daripada krisis kewangan rantau ini sejak lebih setahun lalu sedangkan Indonesia, Thailand dan Korea Selatan dinyatakan.

Perdana Menteri menjelaskan, deklarasi itu tidak memberi fokus kepada negara yang tidak menerima bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan dengan itu, sebarang prestasi Malaysia tidak digambarkan di situ.

"Kita gembira dengan kita (kemajuan ekonomi) sendiri. Malaysia tidak

bimbang kerana namanya tidak disebut," katanya sambil menegaskan bahawa ekonomi negara sudah menampakkan kesan positif ke arah pemulihan setelah ia mewujudkan dasar kawalan tukaran asing secara berpilih.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak mengasingkan dirinya dari dunia lain dengan langkah dasar itu "malah kami (dalam sidang kemuncak Apec) berbincang secara terbuka mengenai perdagangan supaya menarik untuk pelaburan asing".

Menjawab soalan lain, beliau berkata tidak ada tindakan segera dilakukan bagi menangani masalah pengaliran modal jangka pendek selepas mesyuarat Apec ini "dan kita sudah memutuskan kita akan mengkaji cara dan bagaimana menanganinya atau mengawal selianya".

(END)